



**AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

KENYATAAN MEDIA

23 Disember 2022

SITUASI SEMASA

Pusat Pemindahan Sementara

Sehingga jam 4.00 petang, 23 Disember 2022, bilangan negeri yang terkesan banjir **meningkat** kepada tujuh 7 di mana 21 daerah di negeri Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak terjejas. Seramai 41,539 orang mangsa daripada 12,186 Ketua Isi Rumah (KIR) direkodkan berada di 194 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Terdapat penurunan yang signifikan berbanding jam 4:00 petang semalam di mana seramai 58,054 mangsa daripada 16,544 KIR berlandung di 316 PPS. Jumlah PPS di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor menunjukkan penurunan namun jumlah mangsa di PPS berkapasiti besar di Daerah Pasir Mas masih konsisten. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memastikan pengisian aktiviti terutama kepada kanak-kanak; penyediaan makanan dan nutrien yang mencukupi kepada golongan berkeperluan khas seperti bayi, ibu mengandung, ibu menyusui, orang tua dan pesakit kronik, kebersihan tandas dan kawasan persekitaran sentiasa diberi keutamaan.

Bilangan **mangsa yang berkeperluan khas** mengikut pecahan golongan dan negeri adalah seperti berikut:

- **Bayi (1,371):** Kelantan(698), Terengganu(660), Pahang(3), Perak(1), Johor(1), Selangor (0), Sarawak (8), Sabah (0).
- **Kanak-kanak (13,310):** Kelantan(6,511), Terengganu (6,690), Pahang (10), Perak (25), Johor (11) Selangor (14), Sarawak (45), Sabah (4).
- **OKU (195) :** Kelantan (70), Terengganu (118), Pahang (0), Perak (4), Johor (2), Selangor (1), Sarawak (0), Sabah (0).
- **Warga emas (1,615) :** Kelantan (822), Terengganu (723), Pahang (1), Perak (7), Johor (6), Selangor (2), Sarawak (0), Sabah (0).

Secara keseluruhannya situasi banjir bertambah baik di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, amaran ribut petir harian yang dikeluarkan oleh MetMalaysia berisiko menyebabkan banjir kilat di kawasan rendah. Cuaca berimpak tinggi diramalkan berlaku di Sabah bermula 24 Dis 2022, yang berpotensi membawa hujan lebat dan berisiko memberi impak banjir dan lain-lain bencana cetsan hujan di daerah-daerah di Sabah, kesiapsiagaan semua pihak perlu dipertingkatkan.

Aras Air Sungai & Amaran Banjir

Menurut JPS sehingga 4:00 petang ini, paras semasa air sungai di pantai timur Semenanjung menunjukkan trend menurun berbanding semalam dengan hanya empat (4) stesen di paras Bahaya dan tiga (3) di paras Amaran. Walaubagaimanapun, trend air sungai menaik dapat dilihat di Sarawak di mana terdapat tiga (3) sungai di paras Amaran dan satu (1) sungai di paras Bahaya.

Sehingga jam 4.00 petang ini terdapat **lima (5)** sungai di mana bacaan air berada ditahap **Bahaya** iaitu;

BIL	SUNGAI	NEGERI
1	Sg Golok di Kuala Jambu, Tumpat	Kelantan
2	Sg. Golok di Rantau Panjang, Pasir Mas	
3	Sg. Kemaman di Rumah Pam Paya Paman, Kemaman	Terengganu
4	Sg. Nerus di Kg. Jeram, Kuala Nerus	
5	Kuala Balingian, Mukah	Sarawak

Selain itu, terdapat **enam (6)** sungai di mana bacaan air berada ditahap **Amaran** iaitu;

BIL	SUNGAI	NEGERI
1	Sungai Similajau, Bintulu	Sarawak
2	Punan Bah B, Kapit	
3	Kaki Wong, Betong	
4	Sg. Pahang di Lubok Paku, Maran	Pahang
5	Sg. Pahang di Paloh Inai, Pekan	
6	Sg. Keratong at Jalan Kota Bahagia, Rompin	

Amaran & Ramalan Cuaca

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) telah mengemaskini Amaran Hujan Berterusan (Buruk/Buruk/Waspada) pada jam 4.35 petang, 23 Disember 2022. Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora bagi perairan Laut China Selatan sedang berkuatkuasa sehingga 27 Disember 2022.

Met Malaysia turut melaporkan bahawa Luruan Monsun (*Monsoon Surge*) dijangka berterusan sehingga 27 Disember 2022. Amaran Hujan Berterusan siri ke-7 yang dikeluarkan pada 14 Disember 2022 masih berkuat kuasa bermula 17 Disember 2022. Satu kemaskini Amaran Hujan Berterusan (Bahaya) dikeluarkan pada jam 9.00 pagi, 23 Disember 2022 di Sarawak melibatkan daerah Kuching, Serian, Samarahan, Sri Aman dan Betong. Setakat jam 9.00 pagi juga, satu Amaran Ribut Petir dikeluarkan iaitu pada 12.55 pagi di Terengganu. Keadaan hujan berterusan dijangka beransur reda di Semenanjung dan hujan berterusan akan tertumpu di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak.

Berdasarkan Ramalan Cuaca Signifikan yang dikeluarkan MET Malaysia pada jam 12.00 tengah hari, luruan monsun yang sedang berlaku dijangka berterusan sehingga 27 Disember dan berpotensi membawa angin kencang, ombak besar serta hujan berterusan di Sabah & Sarawak serta perairan Laut China Selatan. Satu sistem cuaca bertekanan rendah dijangka mula terbentuk di Laut Sulu pada 24 Disember 2022 dan dijangka merentasi Sabah. Keadaan ini boleh meningkatkan intensiti hujan di kawasan berkenaan. PKOB Negeri Sabah dan Sarawak telah diminta untuk bersiap siaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya banjir berikutan ramalan semasa daripada MET Malaysia.

Laporan Kejadian dan Kerosakan akibat Bencana

Jabatan Kerja Raya (JKR) melaporkan setakat jam 2:00 petang, trend menurun direkodkan secara keseluruhannya dengan sebanyak 39 lokasi terkesan kejadian banjir, 16 lokasi cerun runtuh, lima (5) lokasi jalan runtuh, enam (6) lokasi jalan mendap dan tiga (3) lokasi yang dimaklumkan terdapat kejadian jambatan rosak/runtuh menjadikan jumlah keseluruhan adalah 69 lokasi.

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) pula melaporkan setakat 21 Disember 2022 jam 11.59 malam, jumlah keseluruhan kejadian tanah runtuh di seluruh negara meningkat kepada 80 berbanding rekod pada 19 Disember 2022 (79 kejadian) iaitu di

Sabah (19), Sarawak (17), Selangor (14), Pahang (10), Terengganu (6), Negeri Sembilan (5), Perak (3), Melaka (2), Johor (2) dan Kelantan (2).

Sehingga 23 Disember, infrastruktur asas yang terjejas akibat bencana banjir dan tanah runtuh yang dilaporkan meliputi 72 kerosakan jalan (dinaiki air, runtuh, mendap) dan 3 kejadian jambatan runtuh. Infrastruktur kritikal terjejas banjir yang dilaporkan setakat ini pula adalah 22 fasiliti kesihatan (termasuk hospital, klinik kesihatan, pergigian dan desa) terjejas di Terengganu (12), dan Kelantan (10).

Sejumlah 80 kejadian tanah runtuh yang berasosiasi dengan hujan dilaporkan telah berlaku di negeri Sabah(19), Sarawak(17), Selangor(14), Pahang(10), Terengganu(6), Negeri Sembilan(5), Perak (3), Melaka(2), Johor(2) dan Kelantan(2). Manakala 25 fasiliti keselamatan PDRM dan ATAM di negeri Terengganu (8) (Dungun (1), Besut (2), Kemaman(2), Kuala Terengganu (1) dan di Kelantan (19): Pasir Puteh (1), Tumpat (7), Kota Bahru (3), Pasir Mas dan (6), Rantau Panjang (2) dilaporkan telah terkesan banjir.

PENYELARASAN PUSAT KAWALAN OPERASI BENCANA (PKOB) PUSAT

Fasa pengurusan bencana telah memasuki fasa pemulihan awal dan pasca bencana. Semua JPBN dan JPBD yang berkaitan telah diminta menyelaraskan pengumpulan data kerosakan dan kerugian kepada sektor-sektor yang terlibat. PKOB akan menyelaraskan keperluan untuk mengepam keluar air dikawasan- kawasan yang masih bergenang seperti di Pasir Puteh dan Pasir Mas.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan melaksanakan operasi pembersihan sisa banjir dan menyelaraskan kerja-kerja pembersihan bagi negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672. Selain itu, KPKT juga akan melaksanakan pembaikan infrastruktur awam seperti jalanraya dan pasar awam melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat. PKOB Negeri melalui PBT masing-masing turut diminta untuk mengenal pasti tapak-tapak pelupusan sementara di semua daerah yang terlibat sebelum dibawa ke tapak pelupusan sebenar bagi mengelakkan bau busuk dan masalah kesihatan.

Bagi kerja-kerja pembaikan dan pembinaan rumah baharu, semua PKOB diminta untuk mengemukakan senarai nama yang terlibat dengan kadar segera kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk tindakan lanjut.

Dilaporkan setakat hari ke-6, sebanyak **27 NGO** berdaftar di bawah Rakan NADMA terlibat dalam menyalurkan bantuan makanan, keperluan bayi, ubat-ubatan dan perkhidmatan seperti kaunselor dan *Mental Health and Psychosocial Support* (MHPSS), pembersihan dan *Water, Sanitation and Hygiene* (WASH).

NASIHAT DAN RUJUKAN MAKLUMAT BENCANA

Bagi mangsa yang memerlukan bantuan kecemasan diminta terus menghubungi talian **999** untuk tindakan lanjut pihak berkuasa. Bagi penduduk yang berada di kawasan terdedah kepada banjir sila patuh arahan pihak berkuasa dan berpindah awal sebelum keadaan menjadi bertambah buruk sesuai dengan amaran hujan berterusan peringkat bahaya oleh METMalaysia. Mohon pantau pergerakan keluarga di kawasan banjir bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku kepada keluarga masing-masing.

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah memberi peringatan kepada penduduk-penduduk yang berada di kawasan *hotspot* tanah runtuh yang mengalami hujan lebat yang berterusan agar sentiasa peka dengan keadaan sekeliling dan waspada terhadap tanda-tanda berlakunya ancaman tanah runtuh di kawasan kediaman masing-masing.

Langkah kewaspadaan in perlu dikekalkan dalam tempoh 2 hingga 3 hari walaupun selepas hujan berterusan telah berhenti disebabkan keadaan tanah yang telah berlaku/mengalami peresapan air sebelumnya boleh mencetuskan terjadinya tanah runtuh terutamanya di lereng-lereng bukit yang curam yang berkecerunan 25° ke atas.

Sebagai kesiapsiagaan menghadapi banjir, sila rujuk maklumat dan amaran semasa melalui laman web <http://publicinfobanjir.water.gov.my>, facebook: [PublicInfoBanjir](#) dan twitter [@JPS InfoBanjir](#). Bagi maklumat cuaca, orang ramai boleh muat turun aplikasi [myCuaca](#) di Google Play dan App Store untuk maklumat cuaca yang terkini dan sahih dari MET Malaysia.

Bagi mendapatkan info mengenai Pusat Pemindahan Sementara (PPS), orang ramai boleh muat turun aplikasi [InfoBencanaJKM](#) di Google Play dan App Store untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai PPS di seluruh negara.

Pengguna jalan raya diminta untuk sentiasa peka dengan amaran dan rujuk maklumat bencana sebelum memulakan perjalanan. Untuk makluman dan pertanyaan, orang ramai boleh hubungi Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) JKR di talian [03-26107727](tel:03-26107727) atau rujuk laman web <http://bencanaalam.jkr.gov.my> atau twitter [@CSFJ_JKR](https://twitter.com/CSFJ_JKR).


Peka amaran bencana agar sentiasa bersiapsiaga. Pastikan anda rujuk maklumat terkini dari sumber yang sahih.

Kesiapsiagaan Bencana Tanggungjawab Bersama

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat

MAKLUMAT TAMBAHAN





JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM



PERINGKAT	DAERAH	NEGERI	SEHINGGA
Bahaya	Kuching, Serian, Samarahan, Sri Aman & Betong	Sarawak	24 Disember
Buruk	Sarikei, Sibuan, Mukah & Bintulu	Sabah	26 Disember
	Sandakan, Telupid, Kinabatangan, Beluran & Kudat		
Waspada	Pantai Barat, Sipitang, Kuala Penyu & Beaufort	Sarawak	24 Disember
	Bintulu, Miri & Limbang		

RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN

!

RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN

!

Berdasarkan analisis model-model cuaca, luruan monsun yang sedang berlaku dijangka sehingga 27 Disember 2022 dan berpotensi membawa angin kencang, ombak besar serta hujan berterusan di Sabah & Sarawak serta di perairan Laut China Selatan. Satu sistem cuaca bertekanan rendah dijangka terbentuk di Laut Sulu pada 24 Disember 2022 dan seterusnya bergerak merentasi Sabah. Keadaan ini boleh meningkatkan kelajuan angin dan intensiti hujan di kawasan berkenaan.

Justeru itu, MET Malaysia telah mengemaskini Amaran Hujan Berterusan yang melibatkan negeri Sarawak sehingga 24 Disember 2022. Manakala untuk negeri Sabah sehingga 26 Disember 2022.

Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora bagi perairan Laut China Selatan dan perairan Laut Sulu sedang berkuat kuasa sehingga 27 Disember 2022.


Orang awam adalah dinasihatkan untuk sentiasa merujuk laman web www.met.gov.my dan semua media sosial serta memuat turun aplikasi **myCuaca** bagi maklumat yang terkini dan sahih.

Dikemas kini : 23 Disember 2022, pada 12.00 tengahari



AMARAN ANGIN KENCANG DAN LAUT BERGELORA

Masa dikeluarkan: 2:00 petang; 23 Disember 2022



Kategori Ketiga (> 60 Kmsj; Ketinggian Ombak > 4.5 m) sehingga 27 Disember 2022

Timur Condoe • Reef North • Barat Palawan

Kategori Kedua (50–60 Kmsj; Ketinggian Ombak 3.5–4.5 m) sehingga 27 Disember 2022

Sarawak • Sabah Barat dan Labuan • Sabah Timur • Barat Condoe • Utara Bunguran • Tenggara Reef North • Reef South • Layang-Layang • Labuan • Timur Palawan • Sulu

Kategori Pertama (40–50 Kmsj; Ketinggian Ombak 2.5–3.5 m) sehingga 27 Disember 2022

Johor Timur • Pahang • Terengganu • Kelantan • Lahad Datu • Tioman • Selatan Bunguran

